

Betulkan fakta demi kajian mantap

Oleh JESSICA JOSEPH

UB 27.3.2014 B5

KOTAKINABALU: Demimemantapkan terbitan siri buku Bajau Pantai Timur, kesilapan fakta dalam buku sedia ada perlu diperbetulkan, kata Pensyarah Sekolah Sains Sosial Prof Madya Dr Gusni Saat (*gambar*).

Beliau yang juga pengulas buku Bajau Pantai Timur berkata, kesilapan fakta itu perlu ditekankan supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada pembaca.

“Kelemahan yang terdapat dalam buku ini perlu dinyatakan untuk diulas agar satu peningkatan dapat dilakukan kerana buku akan sentiasa terbit daripada edisi yang pertama bagi memastikan penulisan lebih mantap.

“Permasalahan itu perlu diatasi dan diberi perhatian bagi penerbitan edisi yang kedua menjadi sebuah buku yang berwibawa,” katanya kepada pemberita selepas Program Wacana Buku Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diadakan di Perpustakaan UMS, di sini kelmarin.

Gusni berkata, penghasilan sesuatu buku perlu memenuhi standard yang ditetapkan seperti indeks yang diperlukan serta senarai ringkas mengenai penulis dalam bab berkaitan.

Beliau menjelaskan bahawa keperluan dan penyuntingan dalam penulisan adalah sebahagian daripada asas penghasilan buku.

“Pengenalan dalam setiap bab penting kerana setiap bab ditulis oleh penulis yang berlainan, lebih-lebih lagi apabila mengaitkan antara satu bab dengan bab yang lain agar penceritaan buku itu mempunyai kesinambungan.”

“Buku yang disunting dan menghimpunkan semua bab perlu dilihat secara teliti bagi memastikan penulisan adalah mengikut piawaian, kriteria dan suntingan yang betul termasuklah memberi nasihat kepada penulis setelah semakan yang pertama dibuat,” katanya.

Gusni berkata, kajian yang ada tentang etnik Bajau Pantai Timur masih lagi kurang.

“Kepelbagaiannya yang merangkumi slanga bahasa, adat istiadat, adat resam pakaian tradisi adalah penyebab etnik Bajau Pantai Timur kurang dikenali masyarakat umum,” katanya.

Menyedari hakikat kekurangan kajian mengenai etnik ini, buku itu diterbitkan bagi memastikan tidak timbul kekeliruan untuk mengenalpasti identiti etnik berkenaan.

Menyentuh kelemahan yang terdapat dalam buku itu, beliau berkata antara kelemahan yang dapat dilihat adalah seperti ketiadaan statistik terkini mengenai Bajau di Pantai Timur dan Semporna menerusi bab ‘Populasi etnik Bajau’.

Katanya, untuk menghasilkan sebuah buku, suntingan tidak mudah kerana ada cabaran yang perlu ditangani. Ia termasuklah isu mendapatkan makalah dari penulis yang pakar dalam bidang yang ditulis.

“Cabaran lain termasuklah menentukan dari mana pembentukan buku itu bermula, sama ada dari segi persoalan atau tema yang ditetapkan atau bermula dengan makalah yang berbagai dari segi persoalan, bidang atau perspektif.

“Bagaimanapun, buku ini mempunyai kelebihan tersendiri kerana ia adalah buku etnografi suntingan pertama tentang etnik Bajau Semporna.

“Buku ini juga satu percubaan yang sangat menarik untuk menghasilkan sebuah buku yang lebih berkualiti tentang etnografi Bajau Pantai Timur Sabah,” katanya.

Menurut Gusni, buku itu mempunyai asas yang baik untuk direvisi bagi menerbitkan buku edisi kedua yang lebih mantap setelah mengalami penambahbaikan yang lebih serius.

